

# Raih pendapatan RM10,000 ternak ikan keli Afrika

UM 11/03/24 ms 37

Oleh WAN ZURATIKAH  
IFFAH WAN ZULKIFLI  
utusannews@mediamulia.com.my

**BESUT:** Seorang peneroka mampu meraih pendapatan sampingan sebanyak RM10,000 setahun hasil memelihara ikan keli Afrika.

Mokhtar Ismail, 65, berkata, dia mula memelihara ikan keli sejak 2010 di kawasan alur sungai di ladang kelapa sawitnya berkeluasan 4.05 hektar, di Fel-da Selasih di sini.


“Ikan keli Afrika ini mengambil masa setahun atau lebih untuk mencapai berat tiga hingga lima kilogram seekor, Jadi untuk jual ikan bersaiz itu juga mengikut tempoh pembesarannya.

“Ikan ini mendapat permintaan tinggi daripada pengusaha kolam pancing, kerana ia digunakan untuk aktiviti pertandingan memancing dan sebagainya,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Mokhtar memberitahu, dia mampu menghasilkan antara 500 kilogram sehingga satu tan ikan keli induk setahun.

Selain ikan keli Afrika bersaiz besar, dia juga memasarkan ikan keli bersaiz kecil yang dijual dengan harga RM8 hingga RM10 sekilogram mengikut saiz.

“Meskipun ikan keli ini diternak, namun rasanya seperti ikan liar yang tidak hanyir serta manis kerana saya menggunakan sistem penternakan berkon-



**MOKHTAR Ismail memberi makan ikan keli Afrika yang diternak di Fel-da Selasih, Besut. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI**

sepan ‘alami’ (semula jadi),” jelasnya.

Menurut Mokhtar, hasil ternakannya akan dipasarkan melalui pelbagai cara termasuk pelanggan datang sendiri atau dijual terus kepada peniaga kedai makan, kantin sekolah dan restoran.

Bapa kepada sembilan anak itu turut berkongsi cabaran di-

adapi dalam mengusahakan ternakan ikan tersebut antaranya, ancaman haiwan pemangsa seperti biawak dan memerang selain manusia yang mencuri ikan yang diternak.

“Saya pernah kerugian lebih RM5,000 apabila ikan dicuri. Kejadian itu kerap berlaku menyebabkan saya terpaksa tidur di ladang,” katanya.